

07/10/2002

FAM patut rangka strategi bentuk pasukan baru

Peminat Setia

TEGURAN Perdana Menteri terhadap mutu sukan bola sepak negara ketika membentangkan Bajet 2003 perlu dijadikan ingatan kepada pemain dan kepimpinan pasukan bola sepak kebangsaan.

Datuk Seri Dr Mahathir sendiri kecewa dengan persembahan pasukan kebangsaan dalam sukan itu.

Teguran dan ingatan itu sepatutnya menjadi titik tolak kepada pasukan negara untuk menunjukkan kecemerlangan seperti suatu masa dulu.

Bagaimanapun, kita dikecewakan lagi apabila pasukan negara terpaksa pulang lebih awal selepas kecundang dalam Sukan Asia 2002 di Busan, Korea. Seperti dijangka, kegagalan skuad bola sepak kebangsaan di Sukan Asia Busan bukanlah sesuatu mengejutkan.

Janganlah menyalahkan pemain. Janganlah pula dibubarkan pasukan yang baru dibentuk, usah jadikan pemain sebagai kambing hitam.

Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) pula usah cepat melenting apabila dikritik.

Kini jelas bahawa FAM belum bersedia untuk Sukan Asia di Busan sungguhpun mempunyai masa yang panjang untuk berbuat demikian.

Persoalannya apakah misi pasukan bola sepak negara ke Sukan Asia. Jika sasaran itu tidak dapat dicapai, segala perbelanjaan perlu ditanggung oleh FAM sendiri.

Kalau FAM menghantar pasukan bola sepak bertanding di Sukan Asia sebagai pendedahan di peringkat antarabangsa, ia adalah cerita lama yang sudah basi.

Dulu ketika pasukan kebangsaan bertanding dalam kelayakan Piala Dunia 2002 di Hong Kong, jurulatih Allan Harris menyatakan bahawa beliau tidak meletakkan sebarang sasaran sebaliknya hanya sebagai pendedahan pada peringkat antarabangsa untuk persiapan ke Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur.

Apabila pasukan negara tewas kepada Thailand, beliau menyalahkan penjaga gol yang gagal mengawal bola dengan kemas.

Jika penjaga gol berjaya menangkap bola itu, pasukan negara juga tidak boleh menang kerana tidak ada gerakan cantik dan berbahaya yang boleh menghasilkan gol untuk Malaysia.

Kalau di Iran atau Arab Saudi, jurulatih berkenaan akan dipecat sebaik selesai perlawanan itu.

Di Malaysia keadaan itu tidak berlaku. Itulah perbezaannya di antara negara yang maju dan mundur dalam bola sepak.

Dari segi pembentukan pasukan kebangsaan yang mantap, jurulatih Abdul Rahman adalah lebih baik berbanding Harris. Ketika Abdul Rahman diberi tugas membimbing pasukan kebangsaan ke Piala Tiger di Thailand pada 2000, beliau hanya mempunyai masa lebih kurang tiga minggu selepas tamatnya Piala Malaysia yang berlangsung hampir sepanjang tahun.

Keputusannya adalah membanggakan apabila Malaysia berjaya menempatkan diri ke separuh akhir, tewas kepada Thailand yang kemudiannya muncul sebagai juara. Ketiadaan Akmal Rizal yang ketika itu masih berguru di Perancis tidak menjejaskan perancangan jurulatih Abdul Rahman.

Kebangkitan pasukan kebangsaan sudah mula dirasai. Namun entah di mana silapnya, kontrak jurulatih Abdul Rahman ditamatkan selepas tamat Piala Tiger dan khidmatnya digantikan oleh Harris.

Harris mempunyai masa yang panjang untuk membentuk pasukan yang mantap diperkuatkan lagi dengan kehadiran Akmal Rizal, namun pasukan negara masih mendapat malu di tempat sendiri apabila tewas kepada Thailand dalam Sukan

SEA 2001.

Selepas mengikuti perkembangan bola sepak negara selama lebih 20 tahun, kita tidak pernah mendengar sasaran FAM untuk layak ke Piala Dunia.

Adalah wajar FAM meletakkan sasaran untuk layak ke Piala Dunia sekurang-kurangnya pada 2018. Perancangan strategik perlu bermula dari sekarang.

Sasaran yang paling hampir ialah melayakkan diri ke pusingan akhir kelayakan Piala Dunia 2006 bagi Zon Asia. Jika gagal, kepimpinan yang ada sekarang perlu memberi laluan kepada pimpinan baru demi kemajuan bola sepak negara.

Malaysia mestilah menempatkan diri pada pusingan akhir peringkat Zon Asia bagi 2010 dan 2014 untuk mencapai sasaran layak ke Piala Dunia pada 2018.

Jika masih gagal di peringkat pusingan kelayakan, perlu dijalankan kajian secara saintifik untuk mencari punca sebenar.

Jangan cepat melatah, apabila gagal saja, pasukan yang ada dibubarkan. Sudah berapa banyak projek 'tunas harapan' diwujudkan? Menyemai memanglah mudah, tetapi membesarkan pokok perlukan penelitian. Jangan salahkan pokok, carilah orang yang arif mengenai pokok untuk menghasilkan buah yang bermutu.

Banyak aspek yang boleh dianalisis untuk mencari punca sebenar kelemahan pasukan bola sepak kebangsaan. Antaranya ialah jadual pertandingan tempatan yang terlalu panjang menyebabkan tidak ada masa untuk pasukan kebangsaan.

Kelemahan jurulatih yang dipilih juga tidak boleh diketepikan. Ujian sebenar bagi pasukan kebangsaan ialah ketika kejohanan kelab Asia.

Kita lihat pasukan yang maju dalam bola sepak Asia seperti Korea Selatan, Jepun, Iran, China dan Arab Saudi tidak pernah ketinggalan menyertai kejohanan itu.

Itulah medan sebenar menilai kualiti Liga M. Untuk mendapat manfaat dari kejohanan itu, wakil negara yang dipilih mestilah mempunyai masa yang cukup untuk membuat persiapan bagi menyertai kejohanan itu.

Kita tidak perlu menunggu empat tahun sekali apabila berlangsungnya Sukan Asia atau kelayakan Piala Dunia untuk memberi pendedahan di peringkat antarabangsa.

Amatlah malang sekali jika FAM bercadang menarik diri dari kejohanan antara kelab untuk mengelakkan diri daripada dibelasah lawan yang lebih kuat.

Harus diingat bahawa kebangkitan pasukan kebangsaan Thailand di peringkat antarabangsa bermula apabila pasukan Kelab Thai Farmers cemerlang dalam kejohanan antara kelab Asia pada awal 90-an.

FAM boleh merangka strategi tertentu seperti membentuk sebuah pasukan baru untuk Liga M seperti menubuhkan pasukan FAM yang disertai pemain yang dipilih dari negeri di mana FAM sendiri bertindak sebagai majikan.

Tidak ada lagi masalah pemain lebih berminat mewakili negeri kerana mendapat bayaran lebih tinggi.

FAM boleh menetapkan gaji pemain yang mewakili pasukan FAM lebih tinggi daripada pemain yang mewakili negeri. Tidak keterlaluan jika dikatakan taraf pasukan kebangsaan kita lebih rendah daripada kelab ternama Asia khususnya dari Asia Barat dan Asia Timur.

Mungkin juga tiba masanya FAM diterajui oleh seorang tokoh korporat kerana cabaran bola sepak kini hampir sama dengan bidang perniagaan.

Kita sudah ketinggalan lebih 20 tahun, jangan terus ketinggalan untuk 20 tahun yang akan datang. Selamat maju jaya pasukan bola sepak Malaysia.

PEMINAT SETIA,
Kedah.